

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 7 DISEMBER 2014 (AHAD)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Alumni Kelab Umno	Mingguan Malaysia
2.	UKM bantu perkukuh ekonomi ibu tunggal	Mingguan Malaysia
3.	Gempa sederhana landa Banda sea, Indonesia	BERNAMA
4.	Taufan Hagupit bawa angin kencang Timur Laut di Perairan Sabah	BERNAMA
5.	Staying safe in cyberland	The Star

KERATAN AKHBAR
MINGGUAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 17
TARIKH: 07 DISEMBER 2014 (AHAD)



ALUMNI KELAB UMNO

TIMBALAN Menteri Sains Teknologi dan Inovasi, Datuk Abu Bakar Mohamad Diah (dua dari kiri) bersalaman dengan Pengerusi Pertubuhan Alumni Kelab-Kelab UMNO Luar Negara, Datuk Ahmad Maslan sempena Mesyuarat Agung Tahunan Pertubuhan Alumni Kelab-Kelab UMNO Luar Negara di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur, semalam.
- MINGGUAN/HAFIZ JOHARI

KERATAN AKHBAR
MINGGUAN MALAYSIA (DALAM NEGARA) : MUKA SURAT 44
TARIKH : 7 DISEMBER 2014 (AHAD)



PRESIDEN Persatuan Usahawan Wanita, Datin Dr. Norizan Abdul Razak (duduk, kanan sekali) bersama para peserta yang terlibat dalam Projek Penyelidikan Memperkasakan Wanita dengan ICT pada Pameran Pencapaian Kejayaan Universiti Penyelidikan Siri Ke-5 di Universiti Kebangsaan Malaysia, baru-baru ini.

UKM bantu perkukuh ekonomi ibu tunggal

KUALA LUMPUR 6 Dis. - SEJAK dimulakan pada tahun 2009 sehingga kini, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah melatih serta melengkapi 1,500 wanita tidak bekerja termasuk ibu tunggal dengan kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Tujuannya bagi membolehkan mereka menceburi perniagaan dalam talian untuk membantu memperkasakan ekonomi masing-masing.

Profesor Dalam Digital Literasi dan e-Pembelajaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan UKM, Prof. Datin Dr. Norizan Abdul Razak berkata, penyelidikan dan pembangunan kemahiran digital telah dimulakan melalui Projek Penyelidikan Memperkasakan Wanita dengan ICT kira-kira lima tahun lalu bagi membantu kaum hawa terlibat dalam e-dagang.

"Projek pertama itu dimulakan dengan sekumpulan 999 usahawan wanita yang dilatih dengan kemahiran ICT membangunkan laman web niaga dan juga fotografi bagi menjadi usahawan internet," katanya yang juga Presiden E-Entrepreneurs Women Association of Malaysia (EWA), ewamalaysia.com.my.

Menurut beliau, selepas projek dengan kerjasama UKM, MyDomain Registry dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) itu tamat, usaha untuk memperkasakan wanita dengan ICT diperluas mencakupi literasi ICT untuk perniagaan, pembelajaran sepanjang hayat dalam talian dan penggunaan video digital.

Antaranya, projek Pembangunan Usahawan Wanita Terengganu -Jendela IKS 2011, Pembangunan Inkubator Mobil Usahawan Wanita 2012 dan Pembangunan Komuniti Usahawan IKS Mersing Johor untuk peningkatan ekonomi berasaskan teknologi 2013.

Selain itu katanya, projek itu diteruskan dengan Perkhidmatan Pemasaran Pintar untuk industri kecil dan sederhana 2014 di samping pelbagai kerjasama melibatkan pelbagai agensi dan industri.

Kesemua projek terlibat diketuai beliau sendiri serta kumpulan penyelidik Teknologi dan Pembangunan Komuniti dalam kalangan ahli akademik dan juara-juara komuniti.

Katanya, sehingga kini 1,500 wanita dan ibu tunggal sudah dilatih dan UKM sebagai universiti penyelidik menyusuri akar untuk memasuki komuniti luar bandar di Melaka, Johor, Terengganu, Sabah dan juga di Lembah Kelang dalam usaha merapatkan jurang digital serta jurang di antara komuniti dan universiti.

Di antara modul yang dibangunkan termasuklah modul reka bentuk laman web yang mana membolehkan wanita bekerja dari rumah, penggunaan asas komputer, pemasaran Internet dan pemasaran melalui media sosial, kelas komunikasi dalam bahasa Inggeris, model perniagaan dan pengiklanan efektif.

"Impak positif projek penyelidikan ini menyaksikan ramai wanita dan ibu tunggal berjaya dan salah

seorang daripada mereka ialah Yasirah Omar Chayam yang menjadi usahawan reka bentuk grafik laman web dan percetakan.

"Yasirah kini mahir ICT dan kemahirannya itu menjadi nilai tambah dan sumber pendapatan kepadanya, malah dia dilantik untuk menjadi tenaga pengajar bersama pasukan UKM untuk melatih wanita dan ibu tunggal lain.

Di samping Yasirah, usahawan lain yang berjaya dididik dan dibantu dalam e-dagang ialah Hatinie Wan Pa dan Nor Hafizah Zakariah yang kini menceburi perniagaan dalam talian masing-masing.

Projek Penyelidikan Memperkasakan Wanita dengan ICT

- Diperkenalkan tahun 2009
- Sekumpulan 999 usahawan wanita yang dilatih dengan kemahiran ICT untuk menjadi usahawan Internet.
- 1,500 wanita dan ibu tunggal sudah dilatih
- Kerjasama antara UKM, MyDomain Registry dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.



Gempa Sederhana Landa Banda Sea, Indonesia

KUALA LUMPUR, 7 Dis (Bernama) -- Satu gempa bumi sederhana berukuran 5.9 pada skala Richter melanda Banda Sea, Indonesia pada 6.05 pagi Ahad.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam kenyataannya di sini berkata, pusat gempa ialah pada 385 kilometer tenggara Ambon, Indonesia dan 1,786 kilometer tenggara Semporna, Sabah.

Gempa itu, tidak membawa sebarang ancaman tsunami, katanya.

Sementara itu, satu gempa bumi kuat berukuran 6.5 pada skala Richter berlaku di Pulau Solomon pada 9.22 pagi tadi.

Pusat gempa bumi itu terletak pada 137 kilometer barat daya Arawa, Papua New Guinea dan 4,165 kilometer tenggara Semporna, Sabah.

Gempa itu, tidak mendatangkan ancaman tsunami, menurut jabatan itu.

-- BERNAMA



Taufan Hagupit Bawa Angin Kencang Timur Laut Di Perairan Sabah

KUALA LUMPUR, 7 Dis (Bernama) -- Taufan Hagupit, yang membawa angin kencang timur laut, dikesan kira-kira 1,018 kilometer ke timur laut Kudat, Sabah, dengan pergerakan ke arah barat dengan kelajuan 10 km/j pada pukul 8 pagi ini.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam satu kenyataan pada Ahad berkata taufan itu dikesan pada latitud 11.9 utara dan longitud 124.6 timur.


Taufan itu membawa angin kencang timur laut dengan kelajuan 50 hingga 60 kilometer sejam dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 4.5 meter di kawasan perairan Sabah, Labuan, Miri Sarawak, dan di Condore, Reef North serta Layang-layang yang dijangka berterusan sehingga Jumaat ini.

Selain itu, angin kencang timur laut dengan kelajuan 40 hingga 50 kilometer sejam dengan ketinggian ombak 3.5 meter diramal berlaku mulai Isnin hingga Jumaat ini di kawasan perairan Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor Timur dan Sarawak.

Keadaan sama turut diramal berlaku di kawasan perairan Sulu dan Sulawesi dan dijangka berterusan hingga Rabu ini serta di kawasan perairan Reef South, Samui dan Tioman sehingga Jumaat ini.

Keadaan angin kencang dan laut bergelora ini berbahaya kepada semua aktiviti perkapalan dan pantai, termasuk menangkap ikan dan perkhidmatan feri, menurut kenyataan itu.

-- BERNAMA



Stay safe: A scene from the video on cyber-stalking.

Staying safe in cyberland

WITH the advancements in communications technology in recent years, children are now faced with potential cyber risks every day even in the supposedly safe confines of their own homes.

To drive greater advocacy for child online safety, DiGi Telecommunications Sdn Bhd (DiGi) recently released a series of public service-message videos in conjunction with the Digi CyberSAFE in Schools programme.

The video series highlights the top three most common cyber risks faced by schoolchildren – cyber-bullying, cyber-grooming and cyber-stalking.

These videos teach schoolchildren about what these cyber risks are, and also shares tips on what to do if faced with them, as well as how to prevent them from happening.

The videos, which support DiGi's CyberSAFE in Schools awareness workshops, can be found on DiGi's online safety educational portal – www.safeinternet.my – and social media channels.

According to Digi CyberSAFE in Schools programme manager Philip Ling, the primary purpose of creating this video series was to create awareness and educate schoolchildren on the various risks that are prevalent on the Internet these days.

To date the awareness cam-

paign has reached more than 70,000 students and 4,000 teachers, with more than 850 ICT teachers being trained as ambassadors on cyber safety awareness.

“We believe these fun educational videos will be able to grab the attention of more schoolchildren, who can relate what they've seen on the video to their life experiences. More importantly, the lessons in the video are aimed at addressing the online child safety risks that were identified in the recent CyberSAFE in Schools National Survey Report 2014.

“For instance, the cyber-stalking video is aimed at addressing the fact that, on average, 70% of schoolchildren are not concerned with the invasion of their privacy or the anonymity of the people they interact with online. The videos are intended to push them into taking the necessary action to be more cautious when using the Internet,” added Ling.

The Digi CyberSAFE in Schools programme advocates a safer Internet for Malaysians with the key objective of developing strong digital resiliency skills in Malaysian children. This is made possible through a strategic partnership between DiGi and the Education Ministry, the Malaysian Communications and Multimedia Commission, CyberSecurity Malaysia, Childline Malaysia and Protect and Save the Children.